

Utusan Malaysia - Jaminan Tiada Kenaikan GST

 Khamis, Apr 19 2018



AHMAD ZAHID HAMIDI meluangkan masa bersama petugas-petugas jentera pilihan raya semasa melawat bilik gerakan UMNO Cawangan Batu 20, Bagan Pasir, Perak, semalam. - UTUSAN/SYEFRI MONIZ

Jaminan tiada kenaikan GST um 19/4

Oleh ROKIAH ABDULLAH

pengarang@utusan.com.my

BAGAN DATUK 18 April - Kerajaan memberi jaminan cukai barang dan perkhidmatan (GST) tidak akan dinaikkan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, hasil pendapatan negara sebanyak RM40 bilion yang diperoleh daripada GST pada kadar enam peratus ketika ini mencukupi untuk menampung kos tadbir urus negara.

Beliau berkata, pendapatan negara juga mencukupi untuk melaksanakan semua aku janji yang telah dibuat oleh kerajaan pada PRU-14.

"Kita telah hidu terdapat usaha pihak tertentu yang cuba mengelirukan rakyat kononnya selepas PRU-14 ada kenaikan GST. Saya ingin sebutkan sekali lagi bahawa perkara itu satu fitnah yang sengaja diadakan un-



tuk merosakkan kepercayaan rakyat kepada kerajaan dan pemimpin negara.

"Sepatutnya fitnah sedemikian tidak diterima kerana bukan sahaja tiada asas malah tiada perancangan dari Kementerian Kewangan atau Bank Negara Malaysia untuk menaikkan kadar GST lebih daripada enam peratus.

"Hal demikian kerana kita tahu bahawa pendapatan negara kini bukan sahaja mencukupi malah boleh menampung semua kos bajet yang ada," katanya dalam sidang akhbar selepas meninjau beberapa jeti nelayan di sekitar Jalan Tepi Sungai di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Rungkup, Datuk Shahrul Zaman Yahya dan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Bagan Datuk, Datuk Khairudin Tarmizi.

Tambah Ahmad Zahid, kemampuan kewangan negara juga termasuk untuk membayar kenaikan gaji tahunan yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sempena Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-16 pada 4 April lalu.

Menurutnya, kenaikan gaji tahunan itu dibuat dengan tidak ambil kira perolehan daripada GST setelah membuat kiraan hasil minyak.

"Dulu harganya AS\$50 setong namun sekarang harganya telah mencecah AS\$70.

"Ertinya hasil dividen yang kita dapat daripada Petronas akan bertambah dan tentunya mampu untuk membiayai kenaikan gaji tahunan yang diumumkan itu malah untuk melaksanakan projek-projek dalam manifesto," katanya.